



## TEKS UCAPAN

**YANG BERHORMAT TUAN HJ KHALID BIN ABD. SAMAD**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS PERASMIAN MERBAU AVENUE DAN ACARA PENANAMAN 220 POKOK**

**MERBAU DI TAMAN BOTANI PUTRAJAYA, PRESINT 1, WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA PADA 20 FEBRUARI 2020 (KHAMIS)**

**JAM 9.00 PAGI**

**MERBAU AVENUE TAMAN BOTANI PUTRAJAYA, PRESINT 1, PUTRAJAYA**

**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera, Salam Wilayah Peduli Harapan Dipenuhi.

**(Salutasi)**

**YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh**

Timbalan Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan

**YBhg. Datuk Dr. Aminuddin B. Hassim**

Presiden, Perbadanan Putrajaya

**YBhg. Datuk Dr. Abd Latif Mohmod**

Ketua Pengarah, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

**YBrs. Prof Dr. Ahmad Ismail**

Presiden, *Malaysian Nature Society* (MNS)

**YBrs. LAr. Abd Aziz Buang**

Naib Presiden, Jabatan Landskap dan Taman, Perbadanan Putrajaya

**YBhg. Dato-Dato/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

1. Di pagi yang berbahagia ini, Saya bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perasmian **Merbau Avenue** Dan **Acara Penanaman 220 Pokok Merbau Di Taman Botani Putrajaya, Presint 1, Wilayah Persekutuan Putrajaya** yang diadakan buat julung kalinya ini. Sesungguhnya dengan kehadiran semua pihak pada pagi ini, telah menunjukkan sokongan serta semangat terhadap kecintaan kita pada alam semulajadi, persekitaran landskap yang indah, bersih, dan mampan.
2. SYABAS dan TAHNIAH juga saya ucapkan kepada Perbadanan Putrajaya salah satu agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah mendapat sokongan berterusan dari Rakan Penganjur Bersama iaitu Malaysian Nature Society (MNS) yang telah menyediakan anak pokok Merbau untuk pembangunan **Merbau Avenue** Dan **Acara Penanaman 220 Pokok Merbau Di Taman Botani Putrajaya**.

**PENDAHULUAN**

**Para Hadirin Sekalian,**

3. Tahun 2020 ini juga merupakan tahun yang sangat bersejarah bagi Putrajaya kerana bandar ini telah berkembang maju serta menjadi model pembangunan dan pentadbiran bandar raya oleh negara-negara asing serata dunia. Apa yang menariknya, pada tahun ini :-
  - i. **Putrajaya** menyambut **Jubli Perak Putrajaya bersempena 25 tahun penubuhannya** iaitu dari 1995-2020
  - ii. **Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020** (46 tahun)
  - iii. **Tahun Melawat Malaysia 2020** (Visit Truly Asia Malaysia 2020).
4. Dalam menjayakan sambutan yang gilang-gemilang ini, pelbagai acara dan program ikonik telah digariskan oleh **KWP serta PPj dan dilaksanakan bermula Januari tahun ini diteruskan sehingga sepanjang tahun 2020, dengan acara kemuncaknya dirancangan pada 29 Ogos 2020**. Oleh itu, adalah diharapkan semua warga Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi dapat sama-sama menyumbang usaha agar kita dapat menjayakan kesemua program yang dirancang ini dengan baik dan berkesan khususnya dalam mencapai kemakmuran bersama.

5. Kementerian Wilayah Persekutuan dan kerajaan Malaysia juga merancang dan akan melaksanakan pelbagai acara sempena **Tahun Melawat Malaysia 2020 (Visit Truly Asia Malaysia 2020)** ini. Oleh itu, saya menyeru Putrajaya perlulah melaksanakan persiapan bagi menyambut kedatangan tetamu dari dalam dan luar negara dengan melaksanakan program pembersihan, keceriaan dan pengindahan disamping mewujudkan tarikan baharu seperti **Merbau Avenue** di Putrajaya.

**Para Hadirin Sekalian,**

6. Legasi dan keindahan Taman Botani terserlah apabila :
  - i. Disenaraikan antara 40 taman tercantik di Asia oleh "*Paradise Found*" *United Kingdom* pada 2008;
  - ii. Penerima Anugerah Kehormat dalam Kategori Bandar Hijau (*Green City Award*) dari Institut Arkitek Landskap Malaysia pada tahun 2012;
  - iii. Penerima *The JILA Prize* oleh dari *Japanese Institute of Landscape Architecture* pada 2015;
  - iv. Dianugerahkan *Malaysia Tourism Quality Assurance (MyTQA)* oleh Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) pada tahun 2018;
  - v. Menjadi lokasi penganjuran FLORIA Diraya Putrajaya edisi ke 11 pada tahun 2019 ; dan yang terkini
  - vi. Perasmian **Merbau Avenue** sebagai contoh pembangunan lestari untuk Putrajaya yang akan dinikmati sehingga generasi akan datang.
7. Anugerah dan pengiktirafan yang telah dirangkul ini adalah **nilai tambah kepada Putrajaya sebagai sebuah Bandar Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan** yang akan menjadi salah satu model pembangunan dan model pentadbiran bandar raya oleh negara-negara asing serta dunia.
8. Taman Botani Putrajaya ini adalah merupakan **muzium tumbuhan hidup yang menempatkan pelbagai jenis tumbuhan bagi tujuan penyelidikan dan pemuliharaan**. Taman berkeluasan 230 ekar (93 ha) ini bukan sekadar menawarkan fasiliti bagi aktiviti rekreasi kepada pengunjung malah ia adalah **gedung ilmu yang menempatkan pelbagai maklumat khususnya kepelbagaian flora di Malaysia** serta mempamerkan lebih 700 spesies tumbuhan berbunga dan landskap daripada 90 buah negara tropika menghiasi setiap sudut taman ini.
9. Taman Botani Putrajaya akan menggamit lebih ramai pengunjung tempatan dan antarabangsa dengan adanya **tarikan baharu Merbau**

**Avenue** sekaligus memperkayakan lagi kepelbagaian koleksi tumbuhan yang menarik dan unik di 20 taman bertema sedia ada.

**Para Hadirin Sekalian,**

10. Inisiatif ini merupakan salah satu usaha berterusan Perbadanan Putrajaya (PPj) untuk mendapatkan **pengiktirafan sebagai Taman Botani Diraja Putrajaya** sekaligus **menjadi hub institusi penyelidikan dan pendidikan yang penting untuk botani.**
11. Pembangunan **Merbau Avenue** bukan sahaja memberikan suasana persekitaran yang sejuk dan nyaman malah berfungsi untuk **mengurangkan kesan pemanasan global melalui penyerapan karbon dioksida** disamping **pemuliharaan terhadap alam dan persekitaran adalah amat penting untuk mengelakan kepupusan flora dan fauna Malaysia.** **Merbau Avenue** adalah contoh **pembangunan lestari yang perlu dikekalkan supaya dapat dinikmati sehingga generasi akan datang.**
12. Perasmian **Merbau Avenue** pada hari ini merupakan satu lakaran sejarah untuk Taman Botani Putrajaya dan ianya sangat bermakna kerana dapat meningkatkan imej dan sekaligus mempromosikan Putrajaya di mata dunia.

**Para Hadirin Sekalian,**

13. **Pengisian untuk Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2020 (46 tahun) ini sangat simbolik dan disempurnakan dengan penanaman 220 pokok Pokok Merbau atau Malacca Teak (*Intsia palembanica*) di sepanjang 350m.**
14. Pokok Merbau dipilih kerana ia telah **dinobatkan sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia oleh YAB Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir bin Mohamad ketika merasmikan Pameran 'Hutan Kita' di Menara Kuala Lumpur pada 22 Ogos 2019 lalu.** **Pokok ini sangat unik kerana sifatnya yang tahan lasak serta kayunya yang berkualiti tinggi di samping menjadi lambang keutuhan integriti hutan negara.**

**Para Hadirin Sekalian,**

15. Secara ringkasnya, ciri-ciri Pokok Merbau memang amat menarik kerana :-
  - i. Ia boleh tumbuh sehingga mencapai ketinggian sekitar 50 meter (160 kaki)

- ii. Memiliki banyak akar banir pada kaki batang pokoknya yang boleh mencecah hingga 4meter tinggi.
  - iii. Diameter batang pokok merbau pula boleh melebihi lebar 1.5meter.
  - iv. Daun pokok merbau berbentuk bujur, tebal, dan berkilat dengan bunga berwarna putih kekuningan
  - v. Buahnya pula berbentuk leper, bujur panjang dan berwarna coklat kehitaman apabila masak.
  - vi. Kayu Merbau mengandungi bintik "emas" di sepanjang ira kayu dan membuatkan struktur fizikalnya kelihatan amat menarik.
  - vii. Kayunya tahan lama dan tahan serangan anai-anai.
16. **Malaysian Timber Council** (MTC) juga telah mengkategorikan kayu Merbau di dalam kelas kayu keras padu (*heavy hardwood*) dan apabila mencapai umur matang, suasana dan persekitaran landskap di kawasan Merbau Avenue ini akan kelihatan cantik dan pandangan ke atas silaranya (*tree canopy*) seperti efek mozek di ruang langit **Merbau Avenue**.
17. Pengunjung akan kagum dengan keindahan silaranya serta dapat mengetahui keunikan dan sifat semula jadinya yang tahan lasak serta kayunya yang berkualiti tinggi di samping menjadi lambang keutuhan integriti hutan negara hasil daripada pengurusan secara mampan serta usaha pemuliharaan khazanah biodiversiti Malaysia. **Pokok Merbau juga merupakan simbol kepentingan hutan kepada pembangunan industri dan ekonomi negara.**

**Para Hadirin Sekalian,**

18. Kementerian Wilayah Persekutuan juga dalam proses melaksanakan **konsep Negara Taman untuk pengindahan persekitaran yang diselaraskan oleh Jabatan Landskap Negara (JLN)**. Konsep ini sedang direalisasikan melalui **Majlis Negara Taman** yang dipengerusikan oleh saya sendiri.
19. Saya dimaklumkan, pelbagai **inisiatif hijau** telah dilaksanakan oleh pihak **PLANMalaysia** sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri. Antaranya adalah seperti; - Penghasilan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau, memperkenalkan kebun komuniti, pocket park dan program *healthy walkable city*. **Pelaksanaan program penanaman pokok** di peringkat negeri dengan kerjasama Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) di setiap negeri yang terlibat, sesi peningkatan kesedaran awam, gotong royong

dan sebagainya adalah satu usaha yang murni yang mesti diteruskan.

**Para Hadirin Sekalian,**

20. Bagi mewujudkan kejiranan hijau yang benar-benar berfungsi, koordinasi di semua peringkat perlu dilaksanakan. **Sesungguhnya, program pembangunan hijau ini hanya mampu dijayakan dengan adanya kerjasama serius daripada semua pihak.** Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat menjayakan untuk kelangsungan pembangunan **Merbau Avenue** Dan Acara Penanaman 220 Pokok Merbau Di Taman Botani Putrajaya.
21. Semoga dengan usaha kita semua, ianya dapat mewujudkan persekitaran hidup yang lebih kondusif serta seimbang dan faedahnya dapat dinikmati oleh kita semua pada masa kini dan dapat diwariskan kepada generasi akan datang.

**PENUTUP**

**YBhg. Dato-Dato/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,**

22. Putrajaya adalah nadi kepada Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia. **Namun demikian, dalam kita melangkah laju meniti arus pemodenan; janganlah sekali-kali kita terlupa untuk turut berbakti menjaga alam dan persekitaran.** Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala telah menjadikan manusia sebagai khalifah yang berperanan untuk menjaga dan memelihara persekitaran dan bersatu-padu di dalam melestari serta menjaga alam sekitar.
23. **Alam sekitar merupakan komponen utama yang diperlukan bagi kehidupan yang selesa dan kondusif dan kita mestilah turut membudayakan sikap untuk memelihara alam persekitaran.** Sehubungan dengan itu, saya mahu semua pihak di bawah Kementerian saya memberikan tumpuan untuk mempersiapkan bandaraya kita dengan persekitaran yang bersih, indah dan menawan **ke arah memacu kecemerlangan dalam pembangunan landskap untuk mencapai persekitaran hidup yang berkualiti, mampan dan beridentitikan Malaysia.**

24. Akhir kata, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Putrajaya dan semua yang menjayakan Majlis Perasmian Merbau Avenue Dan Acara Penanaman 220 Pokok Merbau Di Taman Botani Putrajaya. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang hadir dan bersama-sama kita semua merealisasikan sasaran ini bagi membuktikan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Agensi dapat mencapai kejayaan yang lebih cemerlang.

Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.